

Pembangunan KL - DBKL:

Pembangunan KL perlu ikut acuan sendiri

SHAH ALAM - Pengarah Penyelidikan, Institut Pendidikan Khazanah (KRI), Dr Suraya Ismail menyarankan agar pembangunan Kuala Lumpur dilakukan mengikut acuan pembangunan tempatan untuk menjadi kota dunia pada masa depan.

Menurutnya, apabila pembangunan terlalu mengikut acuan antarabangsa, ia akan menjadikan sesebuah bandar raya itu lebih mahal untuk didiami terutamanya bagi penduduk tempatan.

"Perkara ini tidak seharusnya berlaku dan kita perlu tahu bahawa acuan antarabangsa itu dibuat berdasarkan kepada kemudahan-kemudahan swasta yang disediakan seperti sistem pendidikan serta kesihatan, ini tidak akan memberi manfaat kepada penduduk tempatan.

"Jadi kita perlu merencanakan pembangunan di kota raya melalui pelan pembangunan tempatan mengikut kehendak dan reka bentuk yang ada di Malaysia," katanya.

Mengulas lanjut, Suraya mengakui di setiap kota raya atau bandar raya akan ada golongan yang tersisih dalam poket kemiskinan, terbeban dengan kos sara hidup yang tinggi dan mereka yang hidup dengan penuh kemewahan.

Katanya, senario itu adalah perkara biasa di bandar raya ternama, namun apa yang lebih penting adalah ekosistem setiap golongan terbela.

"Justeru, kita perlu pastikan setiap kota raya mampu menjana peluang pekerjaan yang bagus," katanya.



Kepuasan hati penduduk bentuk kota bertamadun

SHAH ALAM - Kepuasan hati penduduk perlu diberi keutamaan dalam membentuk kota yang bertamadun.

Pakar Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Datuk Dr Alias Abdullah berkata, dalam membentuk tamadun, kesejahteraan penduduk perlu diberi keutamaan.

"Jika penghuni *liveable* maka sejahteralah hidupnya dan mereka boleh menerima apa jua keadaan serta kekangan. Masalah ada di mana-mana dan tidak ada kota di dunia ini tak ada masalah.

"Bagaimanapun, jika ia diurus dengan baik dan kepuasan hati penghuni itu tinggi, maka apa juga imej yang cuba ditonjolkan ia pastinya akan terserlah," kata beliau.

Mengulas lanjut, Alias berkata, masyarakat luar negara berpendapat bahawa Kuala Lumpur adalah tempat tumpuan di mana masyarakat majmuk yang begitu besar dapat hidup bersama dengan harmoni.

Katanya, ia membuktikan bahawa kejayaan membina integrasi dan toleransi antara kaum ini mampu terserlah di seluruh dunia.

"Satu hari nanti kita mahu Kuala Lumpur ini menjadi salah satu bandar terbaik dunia seperti Canberra, Vienna dan Calgary.

"Tidak semestinya ada bangunan tinggi tetapi kesejahteraan hidup menjadi keutamaan. Orang suka datang serta menceritakan tentang Kuala Lumpur dan itu yang disifatkan membina tamadun," katanya.

